

Melayu gelandangan jika berpecah

BM: 8/7/2007

KEPALA BATAS: Orang Melayu akan menjadi 'bangsa gelandangan' di negara sendiri jika berpecah dan tidak berusaha untuk bersatu, kata Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Bangsa gelandangan adalah bangsa yang tidak memberi sebarang kesan kepada orang lain, sama ada mereka wujud atau tidak.

Menteri Besar Selangor itu berkata, orang Melayu perlu sedar kekuatan akan wujud apabila ada perpaduan yang membolehkan mereka menyusun semula kekuatan dan meneruskan perjuangan.

"Orang Melayu kini berpecah kepada tiga kumpulan iaitu Umno, Pas dan Parti Keadilan Rakyat (PKR).

"Jika Melayu tidak berusaha bersatu semula seperti pada masa awal penubuhan Umno pada 1946, kita akan menjadi bangsa gelandangan – ada tidak menambah, tidak ada pun tidak mengurangkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Persidangan Perwakilan Pergerakan Wanita Umno Bahagian Kepala Batas di Dewan Seri Endon, Kompleks Masyarakat Penyayang di sini, semalam.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Yahaya Abdul Hamid; Timbalan Ketua Bahagian Umno Kepala Ba-

tas, Datuk Hilmi Abdul Rashid dan Ketua Wanita Umno Bahagian Kepala Batas, Zariah Wahab.

Mohamad Khir berkata, beliau amat berharap orang Melayu, terutama ahli parti pembangkang khususnya PKR supaya bersatu kembali dan memberi sokongan ke arah penyatuan bangsa Melayu di bawah Umno.

"Saya minta ahli PKR, termasuk Penasihatnya, Datuk Seri Anwar Ibrahim utamakan kepentingan agama dan bangsa," katanya.

Beliau berkata, bekas ahli parti itu boleh menjadi penyokong Umno terlebih dulu kerana Umno adalah sebuah parti yang mengamalkan sikap terbuka.

"Dulu ketika Ku Li (Tengku Razaleigh Hamzah) keluar Umno dan tubuhkan Semangat 46, kemudian parti itu bubar, Umno terima semula mereka.

"Kita tak mahu mereka (bekas ahli PKR) balik (kepada Umno) hanya untuk jawatan. Mereka kena tunjuk kesungguhan untuk bersatu padu dan menjadi penyokong yang setia membantu memperjuangkan nasib Melayu," katanya.

Mohamad Khir mengingatkan kaum lain mempelajari sejarah kewujudan negara sebelum mempertikaikan hak dan keistimewaan Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.